

Najib, isteri mungkin dipaksa hadir beri keterangan

BH - 6/2/2020 m/s:14

Melaka: Polis tidak menolak kemungkinan memaksa bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk hadir memberi keterangan berhubung pendedahan sembilan set rakaman perbualan membabitkan beberapa individu berprofil tinggi oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya, bulan lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata turut dipaksa berbuat demikian isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor serta bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad.

Beliau berkata, proses untuk memanggil mereka bagi memberi keterangan sedang berjalan dan diharap ia (laporan lengkap kes) dipercepatkan untuk diserahkan

kepada Pejabat Peguam Negara.

“Ada ketikanya ketika dipanggil mereka tak dapat datang dengan memberikan alasan munasabah seperti mempunyai (kes lain) di mahkamah atau tidak sihat, mungkin mereka akan diberikan tarikh tertentu untuk hadir.

“Kita kalau boleh nak cepat (selesaikan kes), tetapi mereka memberi alasan munasabah. Sekiranya tidak (ada alasan munasabah), kita akan paksa dan perintah mereka datang mengikut prosedur undang-undang,” katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) Kontinjen Melaka di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, Bukit Beruang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Pe-

ngurusan Bukit Aman, Datuk Abdul Rahim Jaafar dan Ketua Polis negeri, Datuk Md Kasim Karim.

Sehingga 28 Januari lalu, polis hanya memperoleh keterangan Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, bagi membantu siasatan berhubung kes rakaman audio terbabit.

Pada 15 Januari lalu pula, Latheefa memberi keterangan hampir empat jam kepada polis berkaitan rakaman audio itu.

SPRM pada 8 Januari lalu, mendedahkan nama 20 individu termasuk Najib, Rosmah dan Abdul Azeez yang dirakam perbualannya, sama ada terbabit dalam perbualan atau disebut mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC).